

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
(BAGAN DATUK)**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sehingga suku kedua 2020 ini, sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Putih Pertahanan (KPP) merupakan satu aspirasi Kerajaan untuk mengamalkan tadbir urus yang lebih baik dengan menekankan prinsip ketelusan, keterbukaan dan keterangkuman. KPP yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada Disember tahun lalu, menggariskan tiga blok binaan utama dalam melaksanakan KPP iaitu:

1. Mencapai reformasi pertahanan;
2. Menginstitusikan tadbir urus terbaik; dan
3. Ketetapan peruntukan pertahanan yang stabil dan mampan.

Dalam memastikan tiga blok binaan utama ini dicapai, kementerian telah memulakan gerak kerja untuk menghasilkan dokumen susulan KPP yang merangkumi kajian semula Pelan Pembangunan Keupayaan ATM (4DMAF), Rancangan Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP) dan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN).

Kajian semula 4DMAF telah memasuki fasa akhir bagi menghasilkan satu angkatan tentera yang bersepadu, tangkas dan berfokus seiring dengan KPP. Ini bertujuan bagi memastikan pembangunan struktur dan postur angkatan yang mampu mengesan, mencegah dan seterusnya menafikan sebarang bentuk ancaman yang menggugat kepentingan Malaysia di dalam dan luar negara.

Kementerian juga telah mengambil langkah untuk menghasilkan RTKP yang bertujuan meningkatkan keberkesanan tenaga kerja pertahanan yang terdiri daripada anggota tentera dan juga pegawai awam yang berkhidmat dalam sektor pertahanan dan keselamatan. Peranan rakyat dalam menggalas tanggungjawab untuk pertahanan negara akan turut digariskan dalam RTKP.

Bagi mencapai transformasi industri pertahanan, penggubalan draf DIPN kini sedang giat dijalankan. Fasa seterusnya adalah fasa libat urus yang bakal melibatkan penyertaan pemegang taruh kerajaan dan bukan kerajaan meliputi pemain-pemain industri pertahanan dalam dan luar negara dari kalangan sektor keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.

Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan KPP secara holistik, kementerian juga sedang membangunkan Pelan Strategik MINDEF (PSM) 2021 – 2025. PSM ini mengandungi tujuh (7) teras yang mendukung visi Kementerian ke arah merealisasikan lima (5) Objektif Pertahanan Negara yang telah dikenalpasti dalam KPP.

Terima kasih.